

NO SOALAN :41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG
(TANJONG PIAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 01.11.2017

Y.B. DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini penstrukturian semula Syarikat Penerbangan Negara Malaysia Airlines Berhad dan apakah pertimbangan yang diambil dengan keputusan untuk membeli 16 kapal terbang dari Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model

Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Sejak beroperasi mulai 1 September 2015, Malaysia Airlines Bhd (MAB) telah mencatatkan kemajuan positif selaras dengan hasrat PPM, dimana MAB akan terus memberi tumpuan kepada pelaksanaan inisiatif-inisiatif untuk memulihkan prestasi perkhidmatan dan kewangan syarikat.

Bagi suku kedua tahun 2017, MAB terus menunjukkan kemajuan yang stabil dengan jumlah penumpang sebanyak 3.6 juta penumpang. Walau bagaimanapun, muatan penumpang (*load factor*) mengalami sedikit penurunan sebanyak 1.6% kepada 77.8% dibandingkan 79.4% pada suku pertama tahun 2017. Sepanjang tahun 2017 hingga 2018, MAB akan menambah 11 laluan penerbangan baharu ke negara China daripada Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kota Kinabalu. Antara laluan yang telah dikenal pasti termasuklah Wuhan, Fuzhou dan Chongqing. Selain daripada itu, syarikat baharu yang khas untuk penerbangan haji dan umrah akan beroperasi pada suku ketiga tahun 2018 yang akan beroperasi menggunakan enam buah pesawat A380.

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membeli tambahan pesawat adalah selaras

dengan keperluan bagi pertumbuhan pesat MAB khususnya bagi penerbangan antarabangsa. Cadangan pembelian 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliners dan 8 buah pesawat Boeing 737 MAX dibuat berdasarkan keperluan operasi syarikat. Perjanjian yang ditandatangani di Amerika Syarikat dengan pihak Boeing ini merupakan *non-binding Memorandum of Understanding* (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan mengenai pembelian pesawat dibuat oleh syarikat.